

12/12/1997

OIC dan visi umat menjelang alaf baru

Abdurrahman Haqqi

ADA satu perumpamaan yang diberikan Rasulullah mengenai kasih sayang dan cinta sesama umat Islam. Perumpamaan itu menusuk hati tetapi indah. Ia diumpamakan bak satu jasad tubuh manusia jika satu tempat berasa sakit, seluruh badan merasainya dan sanggup berjaga semalaman sebagai tanda perpaduan (Perhatikan HR Bukhari & Muslim).

Dalam hadis di atas, kita nampak jelas tuntutan terhadap hubungan umat Islam. Hari ini, umat Islam berada dalam satu wadah yang bernama Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yang ditubuhkan pada 1969 sejurus selepas pembakaran Masjid Al Aqsa oleh Yahudi Israel. Malangnya, isyarat dan ajaran hadis berkenaan belum wujud lagi pada masa ini. Kalaupun ia wujud, ia setakat di bibir dan kertas resolusi. No action, istilahnya. Bagaimanapun kita tetap mengharapkan realiti objektif ditubuhkan OIC yang boleh dianggap sebagai kekhilafan Islam bayangan semasa.

Era baru yang dimasuki OIC pada Sidang Puncak Kelapan dari 9 hingga 11 Disember di Teheran, Iran yang berakhir semalam adalah penekanan arah tuju dan keutamaan bertindak. Selama ini, OIC didominasi isu politik manakala persidangan Teheran kali ini isu memperkukuh perekonomian umat sangat dominan atau setara dengan isu politik.

Yang menarik, atas usaha Malaysia menerusi Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, visi ummah alaf baru diperkenal dan dijadikan satu dokumen yang menggariskan masa depan ummah yang diharapkan menjadi ummah maju, hidup aman, tidak diganggu dan sebarang masalah yang dihadapi diselesaikan secara musyawarah tanpa penggunaan kekerasan.

Ketika membaca berita di atas saya teringat ucap tama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika merasmikan Seminar Serantau Menghadapi Abad 21, 22 Ogos lalu di IKIM, Kuala Lumpur. Dalam ucap tama itu, beliau membincangkan langkah yang diperlukan untuk reformasi Islam.

Dr Mahathir berkata: "Yang diutamakan daripada ajaran al-Quran dan Hadis adalah persaudaraan umat Islam. Mereka tidak melakukan peperangan sesama mereka kerana perbezaan pandangan berkenaan dengan perkara rupa dan bentuk Islam. Pada zaman Nabi, persaudaraan dalam Islam menjadi perkara utama. Oleh itu, semua permasalahan agama dapat diatasi Nabi. Ajaran Islam mengajarkan musyawarah untuk menyelesaikan setiap perkara berbangkit".

Sememangnya, dengan persaudaraan yang kuat dan kukuh peradaban Islam pertama didirikan Nabi dan sahabat. Maka tidak sepatutnya umat Islam sekarang mengetepikannya. Persidangan Teheran menekankan ukhuwah ini dalam konteks hubungan perekonomian anggota OIC.

Apa kurangnya anggota OIC jika diperhatikan dari segi syarat kemajuan sesuatu masyarakat. Dengan kekayaan semula jadi, kepakaran tokoh, kegigihan rakyat berteraskan iman, Islam dan ihsan sepatutnya mereka ikut meneraju peradaban dunia moden dan diharapkan menjadi pemimpin dunia dalam alaf baru yang bahangnya semakin menggebu.

Sememangnya, jika peranan OIC berjalan sudah tentu ia akan menjadi saingan PBB bahkan ia akan lebih disegani. Seperti yang kita nampak, PBB adalah jentera untuk membenarkan semua perbuatan dan keinginan Barat khususnya Amerika Syarikat untuk mengabui masyarakat dunia demi kepentingan mereka. Tetapi, OIC sebagai perhimpunan negara gabungan Rahmatan Lil-'Alamin tidak akan menyalah guna amanat dan tanggungjawab.

Andainya OIC bergigi dan berkuku, sudah tentu kuasa asing tidak campur tangan dalam hal ehwal negara Islam. Andainya persaudaraan ummah diperkukuh dan disedari dengan sebenarnya sudah tentu umat Islam tidak

lagi dipermainkan oleh kuasa asing yang tersembunyi dan nyata.

Persaudaraan yang kita ingini dan alu-alukan adalah persaudaraan hakiki seperti digambarkan hadis di permulaan tulisan ini. Satu hadis yang menerangkan sebuah ayat al-Quran yang bermaksud: "Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam) dan janganlah kamu bercerai-berai dan kenanglah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuh-musuhan (ketika jahiliyah dulu), lalu Allah menyatukan hati kamu dengan nikmat Allah itu orang Islam yang bersaudara. Dan kamu dahulu berada di tepi jurang neraka itu (disebabkan nikmat Islam juga). Demikianlah Allah menjelaskan kepada kamu ayat keterangan-Nya, supaya kamu mendapat petunjuk hidayah-Nya." (Surah al-Imran: 103).

Sebagai umat pengikut Nabi, bukankah sudah sepatutnya anggota OIC yang berjumlah 55 negara sekarang mempersaudarakan sesama anggotanya mengikut kebijaksanaan semasa seperti keserantauan, kejiranan dan saling memerlukan? Maka akan adalah, sebagai contoh, zon Nusantara yang terdiri daripada Brunei, Indonesia dan Malaysia, Zon Ma wara an-Nahar seperti Iran, Pakistan, Maldives dan Bangladesh, zon Teluk, zon Asia Tengah, zon Syam, zon Afrika Utara dan zon Afrika Tengah. Dengan itu akan memudahkan lagi perhubungan dan komunikasi sesama anggota OIC maka akan bangunlah gergasi yang selalu tidur lena selama ini.

(END)